

Syor wujud tabung makanan melalui dana pinjaman bank

MPN turut cadangkan supaya pelaksanaan subsidi bersasar disegerakan bagi kurangkan inflasi

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM**

Majlis Pemulihan Negara (MPN) mencadangkan agar satu tabung makanan disediakan melalui dana pinjaman bank-bank komersial perdagangan di negara ini.

Pengerusinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pertimbangan melalui Bank

Negara itu perlu dilaksanakan sebagai usaha meningkatkan sumber pengeluaran makanan negara.

“MPN membincangkan supaya Bank Negara mempertimbangkan satu tabung makanan atau *fund for food*.

“Kita minta supaya di peringkat institusi kewangan, bank-bank komersial perdagangan Malaysia menyediakan pembiayaan daripada sebahagian pinjaman mereka.

“Ini untuk menggalakkan pengusaha, penanam dan petani meneroka secara lebih agresif untuk mengeluarkan sumber makanan yang diperlu-



MUHYIDDIN

kan oleh negara,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat MPN ke-7 di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, melalui tabung makanan, ia mampu mengurangkan beban tekanan inflasi ketika ini.

“Dengan cara itu mungkin dapat mengurangkan beban yang dihadapi oleh penduduk kita terutamanya dalam kategori B40,” katanya.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju memberi peruntukan sebanyak RM100 juta Tabung Agromakanan yang dikawal selia Bank Negara untuk

disalurkan kepada koperasi dalam usaha meningkatkan tahap sekuriti makanan negara.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kerajaan juga mencadangkan supaya menyegerakan pelaksanaan subsidi bersasar untuk mengurangkan tekanan inflasi yang dihadapi rakyat golongan B40 dan B50.

“Kerajaan perlu mengkaji semula bentuk subsidi yang telah digunakan selama ini kerana ia cukup besar. Mungkin dicadangkan supaya subsidi bersasar dilaksanakan.

“Hanya mereka yang berhak dan layak dalam kategori B40, B50 diberikan tumpuan lebih kerana lebih 50 peratus daripada subsidi yang kerajaan sediakan dinikmati oleh orang yang berpendapatan tinggi,” ujar beliau.